

10 NOVEMBER 2017

## Anggota Rela seludup 700kg daun ketum

28 DALAM NEGERI

# Anggota Rela seludup 700kg daun ketum

Oleh ZULQURNAIN OTHMAN  
pengarang@utusan.com.my

■ ALOR SETAR 9 NOV.

**P**ASUKAN Rejimen Sempadan 2 (2 RS) menahan seorang anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) kerana dipercayai cuba menyeludup 700 kilogram (kg) daun ketum bernilai RM66,500 ke Thailand dekat Bukit Kayu Hitam, awal pagi semalam.

Panglima 6 Briged, Brigadier Jeneral Abd. Aziz Ismail berkata, lelaki berumur 22 tahun itu ditahan lima anggota tentera diketuai Kopral Sabran Latim setelah melihat sebuah kenderaan pacuan empat roda yang dipandu lelaki itu dalam keadaan mencurigakan berhampiran Pos Sahara, kira-kira pukul 2.45 pagi.

"Semasa tinjauan, kenderaan tersebut sedang melalui kebun getah menuju sempadan Thailand dalam keadaan mencurigakan.

"Hasil pemeriksaan ke atas kenderaan tersebut mendapati ada plastik hitam berisi daun ketum," katanya dalam satu nyataan di sini, hari ini.

Abd. Aziz berkata, lelaki serta



SEBANYAK 700 kilogram daun ketum bernilai RM66,500 dipercayai cuba diseludup seorang anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) ke Thailand dekat Bukit Kayu Hitam, Kedah, semalam.

kenderaan jenis Toyota Land Cruiser bernilai RM55,000 itu yang turut dirampas bersama

daun ketum diserahkan kepada polis untuk tindakan lanjut.  
Dalam pada itu, beliau mem-

beritahu, pasukan 2 RS akan terus memperketatkan kawalan di sempadan negara dalam usaha

mengekang kegiatan penyeludupan daripada terus berleluasa di sempadan negara.